



## SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

### KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal tempatan yang berkelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi bekalan/perkhidmatan atau kerja seperti berikut.

NO. DAN TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH/TEMPAT DIBEKALKAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP
SEBUT HARGA BIL.15/2019- PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI TANJONG CITY MARINA	220801	29 Julai 2019 / Laman Web SPPP <a href="http://www.penangport.gov.my">http://www.penangport.gov.my</a>	19 Ogos 2019 Jam 12:00 tengahari

#### PERHATIAN

1. Sila lengkapkan borang tawaran ([Borang A](#), [Borang B](#) dan [Borang C](#)). Borang-borang serta dokumen sokongan hendaklah dihantar ke pejabat Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang di alamat seperti berikut:-

Pengurus Besar  
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang  
Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal  
No. 1A Pesara King Edward  
10300 George Town, Pulau Pinang

(SILA MASUKKAN KE DALAM PETI SEBUT HARGA)

2. Lawatan Tapak adalah **wajib** kepada semua yang menghantar tawaran sebut harga. Lawatan Tapak akan diadakan seperti berikut:-

Tarikh	:	5 Ogos 2019 (Isnin)
Masa	:	10.00 pagi
Tempat	:	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal No. 1A, Pesara King Edward 10300 George Town, Pulau Pinang
Pegawai yang dihubungi	:	Encik Mohd Syarmizar bin Mhd Nasir (012-471 5156)

3. Sila rujuk kepada Senarai Semak sebelum menghantar semua dokumen sebut harga.

4. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat bertutup dan bertanda SPESIFIKASI BAGI SEBUT HARGA BIL. 15/2019 PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI TANJONG CITY MARINA.
5. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat seperti dinyatakan di atas sebelum atau pada **19 Ogos 2019 jam 12:00 tengah hari (TARIKH TUTUP SEBUT HARGA)**. Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa sebut harga ditutup akan ditolak.
6. Tempoh sahlaku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.
7. Pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah.

**Tarikh Iklan/Notis : 29 Julai 2019**

**Borang A**

Bil.	Perihal barang-barang/perkhidmatan	Kuantiti	Harga Sebulan (RM)	Harga 12 Bulan (RM)
	<p style="text-align: center;"><b><u>SEBUT HARGA BIL. 15/2019</u></b> <b><u>PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN</u></b> <b><u>DI TANJONG CITY MARINA</u></b></p> <p style="text-align: center;">SILA LIHAT DI LAMPIRAN A</p>			

(Jika ruangan tidak mencukupi, sila kepilkan lampiran)

Ringgit Malaysia :

.....  
.....

- i. \*No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan .....  
ii. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan  
iii. Tarikh mula membekalkan perkhidmatan 15 Oktober 2019 ..... **Boleh/ Tidak Boleh**

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan perkhidmatan seperti tersebut di atas dengan harga yang telah disertakan. Saya/kami akan mematuhi Syarat-syarat Am yang ditetapkan bagi pelawaan ini.

Tanda tangan penyebut harga .....

Tarikh : ..... Nama : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

Alamat Syarikat : .....

No. Tel. .....

Cop Syarikat :

- \* No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan perlu dinyatakan dengan mengikut Kod Bidang Pendaftaran yang telah dicatitkan di muka surat hadapan sebut harga ini. Sila sertakan sesalinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan semasa penyerahan sebut harga tersebut.

**Mustahak - Lihat Syarat-syarat Sebut Harga Untuk Bekalan/ Perkhidmatan**

## **SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/ PERKHIDMATAN**

### **1. PEMERIKSAAN TAPAK**

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak, takat dan jenis perkhidmatan, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan perkhidmatan, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjelas sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### **2. INSURANS**

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama SPPP dan Kontraktor perlu mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insuran Kerja bagi tempoh pelaksanaan perkhidmatan ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan perkhidmatan. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Perkhidmatan sahaja, Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang yang munasabah, Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya berhak mengambil tindakan yang bersesuaian.

### **3. PERATURAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN**

Perkhidmatan-perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, butir-butir dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya.

### **4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN PERKHIDMATAN**

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula perkhidmatan yang dinyatakan dalam Kontrak, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Kontrak akan dibatalkan oleh Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya dan tindakan akan diambil terhadap Kontraktor.

### **5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK PERKHIDMATAN**

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Perkhidmatan kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah Kontrak ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya.

**6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL PERKHIDMATAN OLEH PEGAWAI PENGUASA SPPP ATAU WAKILNYA**

- 6.1 Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil perkhidmatan dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi.
- 6.2 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara perkhidmatan yang telah ditentukan di dalam Spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya secara bertulis.

**7. RINGKASAN SEBUT HARGA**

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi atas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Perkhidmatan.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Kontrak dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Kontrak dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya Sebut Harga berdasarkan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga Sebut Harga diselaraskan.

## **8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan perkhidmatan dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihal secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya untuk mendapatkan keputusan.

## **9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN PERKHIDMATAN DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya berhak membatalkan Kontrak sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Perkhidmatan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Perkhidmatan terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Perkhidmatan, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisyiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

## **10. PERUBAHAN PERKHIDMATAN**

- 10.1 Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan perkhidmatan dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya boleh membatalkan Sebut Harga ini.
- 10.2 Semua perubahan dan/ atau tambahan perkhidmatan yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ Ringkasan Sebut Harga. Jika terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya dan Kontraktor hendaklah digunakan.

**11. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan perkhidmatan dengan sempurnanya dan diperakukan oleh Pegawai Pengguna SPPP atau wakilnya.

**12. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan perkhidmatan. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhaninya dengan syarat-syarat ini.

**13. PENALTI LEWAT BEKAL PERKHIDMATAN**

Kontraktor hendaklah menjadualkan perkhidmatan setiap bulan dan menyerahkan jadual berkenaan kepada SPPP.

Penalti lewat bekal perkhidmatan bagi sehari adalah seperti berikut:

$$\text{Penalti} = 18\% / 365 \times \text{Jumlah Nilai Kontrak} \times \text{Bilangan Hari Yang Lewat}$$

---

**Borang B**  
**(SAP bertarikh 1 April 2010)**

**SURAT AKUAN PEMBIDA  
Bagi**

**SEBUT HARGA BIL. 15/2019 PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI  
TANJONG CITY MARINA**

Saya, ..... nombor kad pengenalan .....  
..... yang mewakili ..... nombor Pendaftaran .....

..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; atau
- 2.2 penamatkan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Tanda tangan : .....

Nama : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Cop Syarikat :

**Catatan: \* Potong mana yang tidak berkenaan.**

**Borang C**

**SENARAI SEMAK BEKALAN/ PERKHIDMATAN**

Sila Tandakan  Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

<b>Bil</b>	<b>Perkara/Dokumen</b>	<b>Untuk Ditanda Oleh Syarikat</b>	<b>Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga</b>
1.	*Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	*Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (Termasuk nilai tawaran dan tempoh mula kerja) Dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	*Maklumat Penyebut Harga (Profil Syarikat)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	*Surat Kelulusan Kementerian Dalam Negeri (Seperti dinyatakan dalam para 4 (c)(i) di Lampiran A)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	*Senarai Pengalaman Kerja Yang Berkaitan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	*Senarai & Maklumat Pengawal Keselamatan (Seperti dinyatakan dalam para 4 (c)(iii) di Lampiran A)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	*Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (April 2019, Mei 2019 dan Jun 2019)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	*Surat Akuan Pembida (SPRM)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b>		<b>UNTUK KEGUNAAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG</b>	
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.		Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .....(jika ada)	
Tanda tangan : .....		Tanda tangan: Nama : ..... Tarikh : .....	
Nama : .....		Tanda tangan: Nama : ..... Tarikh : .....	
Jawatan : .....		Tanda tangan: Nama : ..... Tarikh : .....	
Tarikh : .....		Tanda tangan: Nama : ..... Tarikh : .....	

**Nota: Dokumen yang bertanda \* adalah wajib disertakan dan dipatuhi semasa penghantaran dokumen sebut harga. Dokumen sebut harga yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.**

## LAMPIRAN A

### 1. SKOP PERKHIDMATAN

- a) Mengadakan perkhidmatan kawalan keselamatan terhadap bangunan, aset, lalu lintas dan segala harta benda yang milik Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) yang telah ditetapkan;
- b) Menjalankan semua bentuk tugas kawalan keselamatan yang diarahkan oleh pihak SPPP dari semasa ke semasa.

### 2. LOKASI PENUGASAN, TEMPOH PENUGASAN, BILANGAN PENGAWAL KESELAMATAN & SYARAT-SYARAT PENGAWAL KESELAMATAN.

- a) Lokasi penugasan perkhidmatan kawalan keselamatan adalah di kawasan :

**Tanjong City Marina  
Pengkalan Weld,  
10300 Georgetown,  
Pulau Pinang.**

- b) Perkhidmatan kawalan keselamatan yang disediakan adalah dua puluh empat (24) jam sehari dan 7 hari seminggu.
- c) Perkhidmatan kawalan keselamatan dilaksanakan adalah dalam **dua (2) syif**.
- d) Bilangan anggota Pengawal Keselamatan yang diperlukan adalah **tiga (3) orang** dan kawalan keselamatan dilaksanakan bagi setiap syif adalah seperti berikut:
  - i. Syif Pertama (0700 – 1900) : **1 orang**.
  - ii. Syif Kedua (1900 – 0700) : **2 orang**.
- e) Pengawal Keselamatan yang bertugas **WAJIB** memenuhi syarat-syarat berikut iaitu:-
  - i) Warganegara Malaysia sahaja;
  - ii) Lelaki berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 55 tahun;
  - iii) Sihat tubuh badan dan mental.
  - iv) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu;
  - v) Berdisiplin, berpengetahuan dan terlatih dalam aspek “**security dan safety**”;

- vi) Dibekalkan pakaian seragam pengawal keselamatan yang lengkap dan kemas (mempunyai lencana dan lambang agensi persendirian) sebagaimana yang digariskan dalam Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 1/2009);
- vii) Tubuh badan mestilah sekurang-kurangnya berukuran 1.57 meter (5' 2") tinggi minimum manakala berat badan minimum 50 kg (110 paun);
- ix) Tidak mempunyai catatan rekod jenayah dan kesalahan narkotik.
- x) Menjalani dan LULUS tapisan keselamatan dalam tempoh tiga (3) bulan dari Tarikh Mula Perjanjian.
- xi) Menjalani induksi dalaman selepas diambil bekerja seperti mana arahan yang dikeluarkan di pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 4, Tahun 2010;

### 3. LAWATAN TAPAK :-

- a) Lawatan tapak adalah **WAJIB** dan tarikh serta masa lawatan tapak ini akan ditentukan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.
- b) Kegagalan menghadiri Lawatan Tapak ini oleh pihak Penyebutharga akan menyebabkan sebutharga yang dihantar tidak akan dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ke peringkat seterusnya.

### 4. KAEDAH KAWALAN KESELAMATAN, PENYELIAAN & TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR :-

- a) Kaedah perlaksanaan kawalan keselamatan adalah berdasarkan arahan yang akan ditetapkan / dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.
- b) Seorang Pegawai Penyelia **WAJIB** disediakan bagi tujuan membuat penyeliaan ke atas perlaksanaan kawalan keselamatan oleh Pengawal Keselamatan bagi setiap syif. Tugas-tugas penyeliaan ini akan di tetapkan / dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.
- c) Tanggungjawab Kontraktor adalah seperti berikut:-
  - i) Mengemukakan surat kelulusan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri untuk menjalankan urusan Agensi Persendirian Di bawah Seksyen 3, Akta Agensi Persendirian 1971 bagi menguruskan agensi persendirian di bawah Seksyen 2(a), akta yang sama;

- ii) Mengemukakan Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dalam Bidang Perkhidmatan di bawah kepala 220801 – Perkhidmatan Kawalan Keselamatan;
- iii) Memastikan setiap pengawal yang diambil bertugas direkodkan biodata bersama gambar terkini dan diserahkan satu salinan kepada pihak SPPP. Senarai tersebut termasuk nama, umur, tarikh lahir dan nombor Kad Pengenalan;
- iv) Menentukan bahawa setiap Pengawal Keselamatan diberi perlindungan insuran/keselamatan dari apa-apa bahaya dan kemalangan semasa menjalankan tugas dan juga membekalkan peralatan-peralatan untuk menjaga keselamatan diri semasa bertugas;
- v) Senarai nama Pengawal Keselamatan yang bertugas dan sebarang pertukaran Pengawal Keselamatan daripada senarai simpanan hendaklah terlebih dahulu dimaklumkan kepada pihak SPPP dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja;
- vi) Menggantikan aset SPPP yang hilang atau rosak atas sebab kecuaian, kelalaian atau salah laku Pengawal Keselamatan. Penggantian atau pembaikan yang dibuat hendaklah daripada aset yang sama nilai dan dipersetujui oleh SPPP;
- vii) Sekiranya berlaku sebarang kerosakan, kehilangan / kecurian atau apa-apa kejadian yang tidak diingini, Pengawal Keselamatan hendaklah dengan segera melaporkan kepada pihak SPPP serta menyediakan laporan bertulis kejadian untuk perhatian Pengurus Besar SPPP. Bagi kes-kes pencerobohan dan kecurian, Pengawal Keselamatan perlu berkerjasama dengan pihak SPPP bagi membuat laporan kepada Polis DiRaja Malaysia;
- viii) Syarikat kawalan hendaklah memberitahu Pengurus Besar SPPP dengan serta-merta apabila syarikat diisyiharkan muflis oleh Jabatan Insolvensi, Jabatan Perdana Menteri. Syarikat Kawalan Keselamatan bertanggungjawab memberhentikan perniagaan mereka dengan memberitahu pihak SPPP sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari notis dari tarikh syarikat diisyiharkan muflis;
- ix) Mematuhi Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 4 Tahun 2010 berkenaan Syarat/Peraturan Pengendalian Serta Pengurusan Agensi Persendirian di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971;

- x) Mematuhi semua undang-undang pekerjaan seperti Akta Kerja 1955 dan lain-lain akta berkaitan;
- xx) Syarikat Kawalan Keselamatan adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 dan di antara peruntukan-peruntukan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972;
- xi) Memastikan setiap anggota Pengawal Keselamatan telah menjalani Latihan Asas Pengawal Keselamatan yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri dalam tempoh tiga (3) bulan selepas lulus tapisan keselamatan. Satu salinan sijil latihan asas Pengawal Keselamatan hendaklah diserahkan kepada pihak SPPP;
- xii) Memastikan pegawai keselamatan yang bertugas telah menghadiri dengan jayanya Kursus *Certified Security Guards* (CSG) selaras dengan surat edaran dari Kementerian Dalam Negeri melalui rujukan KDN(S): 03/642/13 jld 3(22)- Arahan Mewajibkan Program Latihan Certified Security Guards (CSG) Kepada Pengawal Keselamatan Untuk Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Kementerian Dan Agensi Kerajaan.

## 5. KELENGKAPAN DAN PERALATAN

Spesifikasi	Bilangan / Unit Berdasarkan Bilangan Pengawal Keselamatan Mengikut Syif	Pematuhan (✓)	
		Ya	Tidak
a.	Pakaian Seragam Lengkap dan Tanda Nama serta Kad Pengenalan seperti yang ditentukan oleh Kementerian Dalam Negeri	Seorang Pengawal Keselamatan dibekalkan minimum 2 pasang pakaian / kelengkapan.	
b.	Sistem Log Kehadiran	1	
c.	Alat perhubungan (Telefon Bimbit & Walkie Talkie)	Telefon Bimbit (berdasarkan bilangan pengawal keselamatan bertugas)  Walkie Talkie ( berdasarkan bilangan pengawal keselamatan bertugas)	
d.	Kit Pertolongan Cemas	1	
e.	Sistem “watchman clock” atau “guard tour”	Minimum 6 unit watchman clock	
f.	Meja pos kawalan	1	
g.	Cotar	Berdasarkan bilangan pengawal keselamatan bertugas.	
h.	Wisel	Berdasarkan bilangan pengawal keselamatan bertugas.	
i.	Lampu suluh	2 (Syif malam sahaja)	
j.	Baju hujan	Berdasarkan bilangan pengawal keselamatan bertugas.	
k.	Kabinet simpanan barang peribadi	1	
l.	Kon bagi tujuan keselamatan lalulintas	Minimum 8 unit kon	
m.	Buku Laporan Harian	1	
o.	Buku Rekod Kontraktor/ Pembekal	1	
p.	Peralatan pembersihan pos kawalan (Penyapu / Penyodok sampah)	1	

Nota: Pembaikian / penggantian dan perolehan hendaklah sempurna dalam masa dua puluh empat (24) jam sekiranya kelengkapan dan peralatan keselamatan didapati rosak dan tidak mencukupi.

## **6. JADUAL HARGA**

Penyebutharga dikehendaki memberi butir-butir Sebutharga yang berdasarkan jadual harga yang ditawarkan di dalam jadual kerja dan borang tawaran seperti berikut:

(Kos sejam x jam bekerja x hari x bulan x bil. Pengawal Keselamatan)

**RM ..... sejam X 12 jam X 30.5 Hari X 12 Bulan X 3 orang = RM .....**

**A. JUMLAH SETAHUN: RM .....**

*(Ringgit Malaysia:*

.....  
.....)

Nota: Penyebutharga hendaklah mengikut kadar gaji minima pengawal keselamatan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Buruh.

## LAMPIRAN B

### **KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN**

“Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities

- (a) Without prejudice to any other rights of the Government, if the [Company/Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement/Contract] or any other agreement that the [Company/Firm] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this [Agreement/Contract] at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Firm].
- (b) Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.
- (c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Firm] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this [Agreement/Contract].”